

Headline **A. Samad Said hos BPKL4**
Date **17. Jul 2008**
Media Title **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Circulation **238082**
Readership **833287**

Language **MALAY**
Page No **24**
Article Size **228** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



A. Samad Said hos *BPKL4*

PROGRAM *Baca Puisi Kuala Lumpur (BPKL)* akan kembali menemui khalayak sastera di sekitar ibu kota pada Sabtu, 19 Julai ini, pukul 8.30 malam. Ia akan berlangsung di Pentas Utama, Passar Seni, Kuala Lumpur.

BPKL siri keempat tersebut merupakan anjuran Persatuan Penulis Kuala Lumpur (Kalam) dengan kerjasama Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KPKKW), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKKWPKL) dan Central Market Sdn. Bhd.

Program yang diadakan sempena Festival Kuala Lumpur 2008 bertema *Cinta Alam dan Insan* dan akan dihoskan oleh Sasterawan Negara, Datuk A. Samad Said.

Penyair dan artis atau kumpulan yang akan mengambil bahagian dalam *BPKL4* tersebut ialah Dr. Ahmad Razali, Ahmad Shukri Abdullah, Zubir Ali (lagu puisi), Suria Janib, Anbakri dan ASP Foo Chek Seng.

Majlis tersebut juga akan menampilkan persembahan oleh wakil dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu M. Maitili, Grupemuisi Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kumpulan Tarian Akademi Seni

Budaya dan Warisan kebangsaan (Aswara).

Selain itu, *BPKL4* akan turut menampilkan Kumpulan Swarna Malaya, (tarian India), Kumpulan Sokagakai (Earhu - tarian Cina) dan Kumpulan Dikir Barat Kencana Putera.

Antara tokoh yang diundang untuk membaca puisi pada majlis tersebut ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Sri Zulhasnan Rafique; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab. Hakim Borhan; Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Johan Jaaffar dan Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Datuk Norliza Rofli.

Majlis tersebut terbuka kepada penulis, penyair, penggiat budaya dan teater, pelajar, peminat bahasa dan sastera serta orang ramai secara percuma.



A. SAMAD SAID

ZUBIR ALI

AHMAD SYUKRI
ABDULLAH